

Meninggu detik FVPM

TINGGAL dua hari lagi Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia Ke-6 (FFVPM6) bakal bermula. Sebagai panduan, berikut disenaraikan aktiviti-aktiviti menarik sepanjang festival tersebut.



**Lokasi:** Universiti Putra Malaysia (Tapak promosi bertempat di ruang legar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM)

**Tarikh:** 8-10 Januari 2008 (Khamis hingga Sabtu)

**Masa:** Sepanjang hari (9 pagi hingga 9 malam)

## Aktiviti-aktiviti menarik:

### 1. Jualan akhbar

Setiap hari festival berlangsung, sebanyak 250 naskhah akhbar *Utusan Malaysia* masing-masing akan dijual dengan harga RM1.20.

Sebanyak 250 naskhah akhbar *Kosmo!* pula masing-masing bakal dijual pada harga 60 sen (harga pelajar IPTA/S).

### 2. Jualan majalah baru

Dapatkan majalah-majalah edisi terbaru UMMB seperti *Mastika*, *Wanita*, *Kawan*, *Mangga*, *Saji*, *Al-Islam*, *Remix*, *URTV* dan *Harmoni* dengan potongan harga sebanyak 20 peratus.

### 3. Jualan majalah lama

Anda ingin mendapatkan edisi lama majalah-majalah UUMB di atas? Jangan lepaskan peluang mendapatkannya dengan diskau sebanyak 50 peratus.

### 4. Cenderamata khas

Pada setiap hari promosi dijalankan, sekurang-kurangnya sebanyak 100 unit cenderamata khas akan diberikan kepada para pengunjung dengan syarat perlu membeli produk UMMB (akhbar dan majalah) dengan nilai RM10 dan ke atas.

Cenderamata khas ini disumbangkan oleh De Classic Life (DCL), Maestro Swiss (Vico), F&N dan Brylcream.

### 5. Cabutan bertuah

Pada setiap hari, sebanyak 10 hadiah cabutan bertuah akan diberikan kepada para pengunjung.

Para pengunjung yang membeli produk UMMB (akhbar dan majalah) dengan nilai RM30 dan ke atas layak untuk menyertai acara ini.

Setiap pemenang bagi acara ini akan membawa pulang hadiah-hadiah yang bernilai RM50.

Sebahagian daripada hadiah-hadiah cabutan bertuah ini disumbangkan oleh De Classic Life(DCL).

### 6. Lukisan karikatur

Artis-artis pelukis karikatur daripada UMMB akan melukiskan karikatur secara percuma kepada para pengunjung yang membeli produk UMMB (akhbar dan majalah) dengan nilai RM40 dan ke atas.

Acara melukis karikatur ini akan berlangsung pada setiap hari promosi dijalankan pada waktu antara pukul 2 hingga 6 petang.

### 7. Sesi biofoto bersama artis-artis



FFPVM6 menampilkan produk-produk karyawan seni muda dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.



FILEM pendek berjudul *Autisme: Namun Ku Punya Hati* antara yang menyertai FFPVM6.

Semasa aktiviti promosi dijalankan (sepanjang tiga hari tersebut), beberapa orang artis bakal dijemput bagi memeriahkan lagi gerai promosi yang dibuka oleh UMMB.

Justeru, para pengunjung dan orang ramai dijemput untuk beramah mesra dan berpeluang terbabit dalam sesi fotografi bersama-sama artis-artis terbabit pada setiap hari antara pukul 3 hingga jam 6 petang.

Namun begitu, nama-nama artis yang akan diundang masih lagi dirahsiakan bagi memberikan kejutan kepada para pengunjung.

#### 8. Pertandingan mewarna

Pertandingan mewarna akan diadakan

sebanyak dua sesi pada hari Sabtu, 10 Januari 2009.

Sesi pertama akan dijalankan pada pukul 10 pagi, manakala sesi yang kedua pula pada pukul 2.30 petang.

Sebanyak tiga kategori akan dipertandingkan pada hari tersebut:

- **Kategori A (Murid-murid tadika)**
- **Kategori B (Murid-murid tahun 1 hingga tahun 3)**
- **Kategori C (Murid-murid tahun 4 hingga tahun 6)**

Seramai 600 peserta dijangka menyertai pertandingan mewarna tersebut dan setiap peserta akan dikenakan yuran sebanyak RM3.

Begitu banyak hadiah-hadiah telah disediakan kepada para peserta untuk

dimenangi.

Antara hadiah-hadiahnya:

- **Tempat pertama:**  
Hadiah bernilai RM100
- **Tempat kedua:**  
Hadiah bernilai RM50
- **Tempat ketiga:**  
Hadiah bernilai RM30
- **Tempat ke-4 hingga ke-8:**  
Hadiah-hadiah bernilai RM10
- **Lain-lain peserta:**  
Cenderamata iringan.

Sebahagian daripada hadiah-hadiah pertandingan mewarna ini disumbangkan oleh De Classic Life (DCL), Maestro Swiss (Vico), F&N dan Brylcream.

#### 9. Gerai pameran dan jualan

Sepanjang tiga hari aktiviti promosi dijalankan, beberapa syarikat yang membuat sumbangan akan membuka kaunter dan membuat jualan di gerai UMMB (*Kosmo!*). Antaranya:

- **De Classic Life (DCL)**  
Menjual produk-produk makanan kesihatan.
- **Maestro Swiss (Vico)**  
Menjual produk-produk makanan dan minuman.

#### 10. Edaran akhbar *Kosmo!* (percuma)

Sebanyak 10,000 naskhah akhbar *Kosmo!* (percuma) akan diedarkan di IPTA dan IPTS di sekitar Lembah Klang iaitu 5,000 naskhah pada Selasa, 6 Januari 2009 (pukul 9 hingga 12 tengah hari) dan baki 5,000 naskhah pada Rabu, 7 Januari 2009 (pukul 9 hingga 12 tengah hari).

Akhbar-akhbar tersebut akan dihantar ke institusi pengajian tinggi seperti UPM, UKM, UiTM, UIA dan UM.